

## ESTETIKA MOTIF DAN CORAK TENUNAN *PUA KUMBU* ORANG IBAN DI SARAWAK

Ngumbang Anak Sultan  
Humen Bin Jusilin

### Pengenalan

Masyarakat orang Iban melihat kain *pua kimbu*<sup>1</sup> amat suci dan mempunyai kuasa luar biasa dan ianya merujuk kepada dua perkara utama iaitu supaya kejayaan mendapatkan kepala musuh berkembang dan memupuk serta mengekalkan semangat padi sehingga ke hujung musim (Noria, 2014:209; Micheal, 1994:129). *Pua kumbu* penting kerana kegunaannya yang pelbagai dalam kehidupan tradisional masyarakat Iban seperti upacara istiadat berkaitan kelahiran, perkahwinan, kematian, penyembuhan, dan upacara ritual dalam penanaman padi (Lucas, 1980:58). Banyak upacara ritual menggunakan *pua kumbu* yang mempunyai corak dikatakan berkuasa seperti semasa perayaan gawai, sebagai perhiasan rumah, dijadikan alas untuk meletakkan *piring*<sup>2</sup>, membalut tiang patung burung kenyalang dan melihat hati babi (Benedict, 49-50; Traude, 1996:24-5).

Wanita Iban mengatakan bahawa menghasilkan tenunan kain *pua kumbu* adalah *kayau indu*<sup>3</sup> terhadap keseluruhan proses terutama dalam menghasilkan corak yang dikatakan berkuasa. Memahami corak yang dihasilkan adalah sangat penting dan merupakan satu pencapaian kepada pembuatnya. Ciri-ciri elemen dan komposisi yang terdapat padanya tidak dapat disimpulkan secara fizikal oleh seseorang yang tidak berkemahiran (Traude, 1996:11-2). Adalah sangat sukar untuk mentafsir maksud sesuatu corak yang digunakan dan ianya memerlukan penenun yang berpengalaman serta masyarakat Iban itu sendiri (Robyn, 2003:127). Penenun yang boleh mencipta motif dan corak merupakan penenun yang dikurniakan bakat semula jadi (Benedict, 1980:84; Noria, 2014:95-6).

### Motif dan Corak

Tenunan masyarakat orang Iban mementingkan pengisian corak pada permukaan kain. Kedudukan sesuatu corak ditentukan oleh umur dan kekerapan ianya digunakan semula oleh beberapa generasi. Corak seperti ini dikenali sebagai *buah berasal*<sup>4</sup>. Corak diilhamkan berdasarkan mimpi yang dialami oleh penenun sendiri atau daripada cerita lagenda, mitos, daripada pengalaman, kepercayaan dan adat dalam kehidupan (Traude, 1996:19-21; 2004:81). Kualiti Corak dilihat pada kandungan estetik seperti simbol yang digunakan berulang kali secara turun-menurun dan berkaitan dengan budaya (Robyn, 2003:119). Selain itu, nama dan corak adalah unsur simbol dan metafora dan adalah unik serta dikagumi. Unsur ini digunakan untuk menggambarkan diri seseorang yang mempunyai gelaran (Traude, 2004:81). Corak yang diilhamkan dipersembahkan melalui bentuk *anthromorph*, *zoomorph*, *phyllomorph*, dan objek. Imej motif yang digunakan dalam kehidupan seharian turut digunakan seperti manusia,

---

<sup>1</sup> Selimut yang ditunen mengandungi pelbagai corak dan digunakan untuk upacara ritual seperti perayaan gawai, adat, kepercayaan.

<sup>2</sup> Makanan yang terdiri daripada pelbagai jenis seperti nasi, nasi pulut, telur, ketupat, garam, kelait, sungki, rendai, tembakau, buah pinang, sirih, kapu dan air tuak. Semua makanan ini dipersembahkan kepada tuhan semasa membuat upacara ritual yang dikenali sebagai *miring*.

<sup>3</sup> Perperangan bagi kaum wanita. Wanita yang dapat menguasai kemahiran sepenuhnya dikatakan wira dalam menenun *pua kumbu*.

<sup>4</sup> Motif dan corak yang digunakan secara turun-menurun sejak dahulu kala. *Pua kumbu* yang menggunakan *buah berasal* mempunyai corak yang sangat cantik dan dikatakan mempunyai kuasa ajaib.

permen, bergerigi, berliku-liku dan berjalur (Gill, 1968:169). Kebanyakan tuhan, semangat, dan nenek moyang juga digambarkan sebagai motif melalui skema tertentu sehingga menerbitkan maksud yang tersirat. Sebagai contoh, motif anthropomorph yang menggambarkan imej manusia dan telah disembunyikan dengan olahan motif bersifat geometri dan motif berbentuk cangkuk. (Robyn, 2003:127). Imajan ini juga termasuk motif zoomorph seperti burung, buaya dan lintah. Manakala motif flora daripada tumbuhan menjalar pula diolah secara abstrak dan berbentuk cangkuk, bulatan dan permen (Kim, 1997:44). Imej ini diabadikan untuk menjelaskan falsafah masyarakat orang Iban yang percaya bahawa selagi sesuatu benda itu boleh mendatangkan kebaikan, keharmonian dan kesejahteraan, maka subjek tersebut diabadikan sebagai motif kain *pua kumbu* (Noria, 2004:163).

Motif yang dikatakan berkuasa ialah berkaitan dengan aktiviti memburu kepala dan dapat dilihat pada imej seperti tengkorak terputus daripada tempat asalnya. Corak tengkorak sebagai satu simbol bahawa pengembaraan memburu kepala manusia yang telah membawa kejayaan. Lazimnya, kepala manusia tidak ditunjukkan secara terus untuk menunjukkan kejayaan dalam berperangan tetapi ia ditunjukkan dalam bentuk metafora seperti manusia dan tumbuh-tumbuhan serta binatang. Ini dapat dilihat kepada *Lang Sengalang Burung*<sup>5</sup> diterjemahkan sebagai tengkorak musuh dan biji benih yang ditanam oleh manusia (Freeman, 1979:233-46).

Motif dan corak yang digunakan juga mengandungi maksud khusus yang diperlukan terumamanya dalam perkahwinan dan aktiviti pertanian. Motif anthropomorph lelaki dan wanita yang digunakan menunjukkan kualiti yang ada pada diri dan menggambarkan sifat penting terhadap sesuatu serta menggalakkan kesuburan dalam pertanian. Motif berbentuk cangkuk dan belah ketupat yang kelihatan seperti segi empat biasanya merujuk kepada kejayaan mendapat hasil padi yang banyak serta menggambarkan kejayaan seseorang ibu melaksanakan sesuatu tugas atau mengharungi sesuatu tragedi. Motif seperti ini juga turut digunakan semasa kematian kerana ianya bertujuan untuk menggalakkan banyak perkara yang berkaitan dengan nilai kehidupan walaupun hakikatnya berkaitan dengan kematian (Robyn, 2003:139).

Sesetengah motif menggunakan imej manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, serangga dan peralatan sebagai simbol yang mewakili unsur-unsur alam. Imej-imej manusia biasanya menggambarkan satu kuasa, semangat, roh, pemujaan, mitos, legenda atau ritual yang disanjung tinggi oleh masyarakat Iban. Sebagai contoh motif haiwan seperti imej ular, harimau dan naga melambangkan keberanian, ketangkasan, kekebalan, kesejahteraan, kekayaan dan kekuatan. Motif burung adalah petanda yang baik dalam sebarang usaha, motif rusa dianggap boleh menyelamatkan daripada sebarang bencana dan motif ular sebagai pendorong untuk mendapatkan hasil yang lumayan dalam pertanian (Noria, 2014:96-8). Motif buaya dan juga binatang pemangsa lain turut diguna untuk menunjukkan simbol kepada sesuatu bahaya, pelindung daripada bahaya, kuasa dalam kehidupan atau kematian (Robyn, 2003:98).

Terdapat motif yang dikatakan berkuasa dan mempunyai semangat yang kuat serta boleh dijadikan sebagai perisai untuk menyelamatkan nyawa kaum lelaki apabila mereka terjumpa hantu di hutan. Malah motif khusus juga digunakan untuk melindungi semangat dan nyawa penenun daripada ancaman kuasa jahat. Penggunaan motif tertentu merupakan satu mitos suci dan melambangkan keakraban dan keharmonian kuasa yang boleh menjelma dalam pelbagai bentuk untuk menyembunyikan rupa dan saiz yang sebenar. Kejayaan seseorang penenun menghasilkan sesuatu motif melambangkan ketinggian tahap kepakaran dan

---

<sup>5</sup> Seseorang yang mempunyai banyak ilmu digunakan untuk berperang. Dalam ekspedisi memenggal kepala, Lang Sengalang Burung sering mendapat jumlah kepala musuh yang banyak.

imaginasi seseorang penenun (Benedict, 1980:84; Noria, 2014:175-203).

### **Jenis Motif *Pua Kumbu***

Motif jenis anthropomorph menggunakan imej manusia yang diubah suai dalam pelbagai bentuk. Imej manusia sering digambarkan dengan penampilan semangat dan kuasa yang luar biasa seperti kekuatan dan boleh menjelma pelbagai bentuk. Motif jenis ini lebih menonjolkan bentuk badan manusia seperti batang tubuh, jari, kaki dan kepala contohnya motif *engkeramba* (i). Motif *engkeramba* digunakan sebagai pelindung yang baik daripada segala bentuk kejahatan, kemalangan, dan berkaitan dengan perkara yang tidak baik. Bentuk-bentuk manusia divariasikan dengan tokoh tambah pelbagai imej seperti sayap, ekor, sisik, gigi yang tajam agar menampilkan sifat masing-masing. Kebiasaannya ciri-ciri yang ditampilkan berkaitan dengan keberanian, kerhebatan, kejayaan dan penghormatan menggunakan motif *rang jugah* (ii) serta motif hantu untuk menggambarkan tentang kejahatan (iii). Motif *rang jugah* mengisahkan seorang pahlawan Iban yang mempunyai banyak kejayaan semasa ekspedisi memenggal kepala musuh. Manakala motif hantu digunakan untuk menggambarkan watak jahat yang mempunyai ilmu sihir digunakan untuk melakukan sesuatu yang tidak baik pada seseorang.


Motif zoomorph digunakan untuk menggambarkan pelbagai situasi di dalam kehidupan seharian masyarakat orang Iban. Binatang tertentu dipilih berdasarkan keunikan masing-masing. Perkara yang sering digambarkan ialah berkaitan dengan kesuburan, kuasa, dewa-dewa dan kemasyhuran contohnya seperti motif buaya (xxi dan xxii). Motif buaya berkait rapat dengan mitos dan lagenda yang banyak digunakan sebagai alat untuk komunikasi dengan alam gaib. Motif *engkarong* (xi dan xii) juga mempunyai fungsi yang sama seperti motif buaya tetapi ia digunakan sebagai motif sampingan dan biasanya diletakkan di bahagian tepi kain *pua kumbu*. Selain itu, motif *aji bulan* dan *junggar* (iv, v dan viii) digunakan untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang perkara yang tidak diingini. Motif ini digambarkan dengan imej tanduk dan kulit *junggar*. Bau *aji bulan* dikatakan mampu menjadi pelindung kepada seseorang ketika dalam pengembaraan. Kejayaan melakukan pelbagai perkara terutamanya dalam pengembaraan dan aktiviti pertanian turut digambarkan dalam corak *pua kumbu* melalui motif pelbagai jenis motif burung (ix dan x). Kejayaan diperolehi disebabkan oleh kekuatan dan ketangkasan diri seseorang yang gagah dan sering dilihat seperti harimau (vi dan vii). Motif *remaung* diguna menggambarkan seseorang yang mampu memberikan perlindungan kepada orang lain disamping mempunyai sifat yang pemurah dan sangat disenangi oleh masyarakat.


*Pua kumbu* turut menggunakan motif phyllomorph seperti pokok, tumbuhan dan pelbagai jenis flora. Motif-motif ini dipilih berdasarkan kepercayaan orang Iban dan ciri-ciri tumbuh-tumbuhan itu sendiri seperti bau, bentuk, warna serta sifatnya yang menarik. Keadaan seperti ini telah digambarkan melalui motif *pating betulak* (xiv), *pating* (xv), *buah bangkit* (xvi) dan *tangkong bara* (xviii). Motif *buah bangkit* contohnya melambangkan seseorang wanita yang amat menarik dari segi pelbagai aspek yang disukai ramai. Wanita yang digambarkan seperti motif *buah bangkit* amat disukai oleh kaum lelaki terutamanya mereka yang sudah mendapat gelaran *rang jugah* (ii). *Pua kumbu* yang menggunakan motif buah *bangkit* biasanya digunakan oleh perempuan yang masih belum berkahwin terutamanya ketika perayaan gawai.

Motif daripada objek dan barangan yang digunakan harian turut digunakan sebagai motif pada *pua kumbu*. Tujuannya ialah untuk memperindahkan dan mempelbagaikan lagi bentuk corak. Antara objek dan barangan harian yang sering dijadikan sebagai motif pada corak ialah peralatan-peralatan yang digunakan semasa berperangan seperti perisai, parang dan tombak. Antara objek yang sering digunakan ialah tikar. Ini kerana kebanyakan tikar mempunyai coraknya yang tersendiri seperti

corak *buah anyam*. Kecantikan corak *buah anyam* pada tikar turut dijadikan sebagai motif pada *pua kumbu* (xvii). Motif *buah anyam* pada tikar diilhamkan daripada sejenis tumbuhan menjalar iaitu ubi keledek. Manakala barangan harian ialah seperti pendiang api, penyepit, pinggan mangkuk dan peralatan untuk menanam padi turut digunakan.

Fenomena alam semulajadi seperti bentuk tanah yang berbukit-bukau, batu-batuan, kawasan berpaya, bentuk sungai yang berliku, bulan dan awan turut dijadikan sebagai motif pada *pua kumbu*. Fenomena alam seperti ini dijadikan motif berdasarkan keindahan masing-masing untuk mempelbagaikan lagi corak. Turut dijadikan motif ialah termasuk pemandangan indah pada waktu malam disebabkan oleh cahaya kelip-kelip. Cahaya daripada kelip-kelip yang berkelip disebalik pokok-pokok di dalam hutan digambarkan melalui motif kelip-kelip (xx). Pemilihannya disebabkan kelip-kelip sering kelihatan pada waktu malam dan ianya berkelip-kelip disebalik pokok serta sering dilihat oleh orang Iban terutamanya ketika berburu. Keindahan fenomena ini diceritakan oleh suami lalu diterjemahkan isterinya melalui corak *pua kumbu* yang sangat menarik.





**Rajah 1: Motif *Pua Kumbu***

### **Kesimpulan**

*Pua kumbu* merupakan alat komunikasi orang Iban yang amat suci kerana menggunakan motif terpilih berdasarkan ciri-ciri unik tertentu. Keunikan tersebut dijadikan motif untuk membentuk corak yang mampu memberikan impak pada penggunaannya seperti dalam upacara ritual, perayaan dan aktiviti harian. Kepelbagaian corak yang digunakan telah menjadikan *pua kumbu* sebagai hasil seni tenunan yang sangat unik dan dikagumi disamping cerita, mitos, lagenda dan ritual yang berkaitan dengannya

### **Rujukan**

- Benedict Sandin (1980) *Iban Adat and Augury*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Benedict Sandin (1991) *Iban way of life*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Freeman, J.D. (1979) 'Severed Head that Germinate'. in R.H. Hook (ed), *Fantasy and Symbol*. London: Academic Press.
- Gavin, Traude (1996) Naming and Meaning: Ritual Textiles of the Iban of Sarawak. Textiles Society of America Proceedings. Lincoln: University of Nebraska.
- Gavin, Traude (1996) *The women's warpath: Iban ritual fabrics from Borneo*. UCLA: Fowler Museum of Cultural History.
- Gavin, Traude (2004) *Iban ritual textiles*. Singapore: National University of Singapore Publishing: Singapore University Press.
- Gill, Sarah H (1968) *Selected aspects of Sarawak art*. PhD thesis. New York: Columbia University.
- Kim Jane Saunders (1997) *Contemporary Tie and Dye Textiles of Indonesia*. Kuala Lumpur: Oxford Singapore New York. Oxford University Press.
- Lucas Chin (1980) *Cultural Heritage of Sarawak*. Kuching Sarawak Museum: Lee Ming Press.
- Paul Micheal (1994) *Fragile traditional Indonesian Art in Jeopardy*. Honolulu: University of Hawai Press
- Maxwell, Robyn (2003) *Textiles of Southeast Asia. Tradition, trade and transformation*. Singapore: Tittle Publishing.
- Noria Tugang (2014) *Pua identiti dan budaya masyarakat Iban*. Kota Semarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Ong, Edric (1986) *Pua Iban weavings of Sarawak*. Kuching: Society Atlier Sarawak.